**BORANG PROTOKOL PROJEK *BEHAVIOURAL INSIGHTS***

**UNTUK KESIHATAN**

---

**Nota:** Borang ini bertujuan untuk membantu perancangan dan pelaksanaan projek *behavioural insights* untuk kesihatan. Pastikan setiap butiran dilengkapkan bagi memastikan semua aspek kritikal projek *behavioural insights* telah diambil kira dan dipertimbangkan bagi menghasilkan sebuah projek yang berkualiti dan memberi impak. Sila rujuk **Lampiran 1** untuk penerangan lanjut mengenai setiap butiran di dalam borang ini dan **muat turun bagi tujuan pengeditan**.

## Bahagian A: Pengenalan projek

| | |
|---|---|
| Nama projek | |
| Ketua projek | |
| Tempat bekerja | |
| Isu berkaitan kesihatan (Pilih SATU sahaja) | |
| Lokaliti | |
| Tingkah laku sasaran | |

## Bahagian B: Perancangan projek

| | |
|---|---|
| Pelaksanaan intervensi semasa atau terdahulu (Jika ADA) | |
| Faktor penghalang kepada tingkah laku sasaran | |
| Faktor pendorong kepada tingkah laku sasaran | |
| Teori/model perubahan tingkah laku | |

| | |
|---|---|
| Cara pengumpulan data asas (*baseline*) & bukti | |
| Cadangan strategi intervensi | |
| Indikator tingkah laku yang dijangka akan diukur | |
| Pelan pemantauan dan penilaian | |
| Jangka masa projek | |
| Senarai pemegang taruh | |
| Rujukan yang diperlukan | |

**Bahagian C: Persetujuan dan kelulusan**

Sila tandakan (/) pada kotak jawapan yang berkenaan:

☐ Cadangan ini telah dibentangkan pada____________ dan telah mendapat kelulusan daripada

______________________________________________________________

(Nama dan Jawatan)

☐ Cadangan ini belum dibentangkan untuk persetujuan dan kelulusan.

Tandatangan Ketua Projek : …………………………

Tarikh : …………………………..

Nota: Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah atau memerlukan bantuan lanjut untuk mengisi borang ini, sila hubungi Unit *Behavioural Insights*, Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Institut Kesihatan Negara (NIH) melalui emel unitbi@moh.gov.my

**LAMPIRAN 1**

**Bahagian A**

| | |
|---|---|
| **Isu berkaitan kesihatan** | Kenalpasti SATU isu berkaitan kesihatan untuk dijadikan perancangan intervensi bagi projek *behavioural insights*. Isu-isu Contoh: obesiti, mengurangkan pengambilan gula, meningkatkan tingkah laku cari dan musnah, kesesakan di Jabatan Kecemasan, proses pendaftaran pesakit yang rumit, kadar pematuhan pengambilan ubat rendah, isu komunikasi berkesan dalam kalangan kakitangan kesihatan dan sebagainya. |
| **Lokaliti** | Nyatakan secara jelas di mana isu ini berlaku. |
| **Tingkah laku sasaran** | 1. Nyatakan tingkah laku apa yang disasarkan untuk perancangan intervensi bagi projek *behavioural insights*.<br>2. Perincikan berdasarkan:<br>i) siapa perlu buat apa<br>ii) di mana<br>iii) bila<br>iv) bagaimana<br>v) berapa kerap<br><br>Contoh: Setiap pelajar Sekolah Pandora hendaklah mengambil sekurang-kurangnya satu hidangan buah potong yang dijual di kantin sekolah setiap hari persekolahan semasa waktu rehat ATAU komuniti di Jalan Setia, Taman Alam Permai perlu mengamalkan cari dan musnah sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu di kediaman masing-masing untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes. |

**Bahagian B**

| | |
|---|---|
| **Pelaksanaan intervensi semasa atau terdahulu (Jika ADA)** | Terangkan secara ringkas strategi atau intervensi yang pernah dilaksanakan atau yang sedang dijalankan sekarang untuk menangani isu kesihatan yang telah dipilih |
| **Faktor penghalang kepada tingkah laku sasaran** | Kenal pasti sebarang faktor yang menghalang atau menyukarkan tingkah laku sasaran. Ini termasuk cabaran seperti kekurangan kesedaran, pengetahuan, masa, kewangan, atau motivasi. |
| **Faktor pendorong kepada tingkah laku sasaran** | Kenal pasti faktor yang menyokong atau mendorong tingkah laku sasaran. Ini termasuk sokongan komuniti yang positif, ketersediaan sumber, atau faktor yang memberi motivasi untuk penglibatan. |
| **Teori/model perubahan tingkah laku** | 1. Model COM-B boleh digunakan sebagai model asas untuk fasa DDDIE, berkaitan perancangan intervensi tingkah laku.<br>2. Walau bagaimanapun, teori perubahan tingkah laku lain yang dipelajari seperti *Health Belief Model, Transtheoretical Theory, Social Learning Theory, Theory of Planned Behaviour* boleh digunakan untuk menyokong dan mengukuhkan justifikasi dan perbincangan dalam projek intervensi. |
| **Cara pengumpulan data asas (*baseline*) dan bukti** | Terangkan cara data asas (dikumpul) samada melalui survei, *literature review*, pemerhatian, reten, laporan, perbincangan kumpulan fokus (FGD), temubual dan lain-lain lagi. |
| **Cadangan strategi intervensi** | Terangkan strategi intervensi yang anda cadangkan untuk digunakan dengan menggunakan pendekatan *behavioural insights* untuk menangani isu berkaitan kesihatan tersebut. |
| **Indikator tingkah laku yang dijangka akan diukur** | Kenal pasti indikator tingkah laku khusus yang bagi hasil projek yang dikehendaki. Pastikan indikator ini boleh diukur dan relevan dengan sasaran projek. Contohnya peratusan pelajar yang menunjukkan peningkatan pengetahuan tentang pengambilan buah; peratusan pelajar mengambil sekurang-kurangnya satu hidangan buah potong dari kantin sekolah semasa rehat setiap hari. |
| **Pelan pemantauan dan penilaian** | 1. Terangkan bagaimana anda akan memantau pelaksanaan intervensi, seperti melalui tinjauan, temu bual atau pemerhatian.<br>2. Nyatakan instrumen atau sistem yang akan anda gunakan untuk pengumpulan data (penjejak digital, senarai semak, laporan jualan). |

| | |
|---|---|
| | 3. Terangkan bagaimana anda akan mengukur kejayaan intervensi, misalnya perbandingan data sebelum dan selepas intervensi<br>4. Sertakan kaedah analisis (analisis laporan statistik, maklum balas kualitatif). |
| **Jangka masa projek** | Jangkaan garis masa bagi melaksanakan projek ini. Contohya 3 bulan atau 6 bulan. |
| **Senarai pemegang taruh** | Senaraikan pemegang taruh yang perlu terlibat dalam pelaksanaan projek ini. Contoh: Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Perbandaran, pengendali makanan di kantin sekolah dan lain-lain. |
| **Rujukan yang diperlukan** | 1. Senaraikan semua bahan, garis panduan atau sumber yang diperlukan untuk projek, seperti artikel penyelidikan, dokumen dasar atau manual.<br>2. Sertakan sebarang kepakaran luar atau perundingan yang diperlukan, seperti penasihat teknikal atau pakar perkara.<br>3. Pastikan rujukan adalah relevan dan menyokong secara langsung perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek. |